



Dilema turuti hasrat ibu


Pelajar lakukan solat istikharah sebelum tolak cadangan ibu ke matrikulasi

Saya remaja berusia 18 tahun yang kini berada dalam dilema kerana terpaksa membuat pilihan. Baru-baru ini, saya mendapat tawaran untuk menyambung pelajaran di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Saya memberitahu ibu namun dia tidak mengizinkan saya meneruskan pengajian dalam bidang berkenaan kerana kursus yang akan diikuti itu susah.

Sebelum keputusan Unit Pusat Universiti (UPU) keluar saya ada membuat solat istikharah dan mendapat petunjuk mengenai kursus itu. Ibu tetap menyuruh saya pergi ke matrikulasi sedangkan saya mendapat petunjuk lain.

Saya harap Dr dapat membantu. Pada saya, matrikulasi bukannya tidak bagus tapi saya lebih cenderung ke IPTA kerana kursus yang akan diikuti itu adalah minat saya. Lagipun, kalau saya ke matrikulasi, selepas tamat, saya tetap perlu melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi juga. Kadang kala saya tidak faham dengan perangai ibu saya.

Dia seorang yang berpendidikan tinggi tapi pemikirannya ada kalanya seperti tidak matang dan tidak memahami diri saya.



Adakah semua ibu bapa begitu? Saya tidak mahu menderhaka kepada ibu tapi ini adalah soal masa depan saya. Bukannya ibu yang akan melanjutkan pelajaran tapi saya. Kalau

boleh saya ingin belajar apa yang saya minat, bukannya belajar untuk memenuhi keinginan ibu.

SERBA SALAH
Taiping, Perak

Jawapan
ADLER seorang ahli psikologi menjelaskan ibu bapa mempunyai dua ciri iaitu yang memanjakan atau mengabaikan. Ibu bapa yang bersifat memanjakan

akan melindungi anak-anak mereka. Banyak perhatian diberikan dengan tujuan melindungi anak dari kesusahan hidup.

Secara fitrahnya, naluri 'kelbuan' membuatkan ibu cuba melindungi dengan tidak membenarkan adik melanjutkan pelajaran di IPTA itu. Alasan yang diberikan ialah kursus yang akan diikuti adalah susah. Ciri memanjakan Adler ini adalah perkara normal dalam diri kebanyakan ibu. Walaupun ibu adik berpendidikan tinggi, dia tetap berusaha untuk melindungi adik.

Eric Berne, seorang ahli psikologi lain pula menjelaskan 'ego' atau sifat orang tua berlis perintah-perintah seperti 'harus' dan 'semestinya'. Ego orang tua dalam diri manusia sentiasa bersifat pelindung, pengkritik dan mengarah. Ibu adik cuba melindungi dan memberi perhatian terhadap adik. 'Ego' ibu juga merasakan, adik sebagai anaknya 'sebaiknya' mendengar arahnya. Natijahnya, kasih sayang ibu terhadap adik membuatkan dia bersifat melindungi dan tidak mahu sesuatu perkara buruk berlaku kepada adik.

Situasi dilalui ini menyebabkan adik dalam dilema. Berne menjelaskan situasi di mana adik tidak

selesa boleh menyebabkan adik mengalami tekanan, berasa tiada kuasa dibanding dengan orang lain dan cenderung menarik diri atau lebih suka memenuhi keinginan orang lain daripada keinginan diri sendiri.

Perasaan yang tidak selesa ini boleh dilatasi melalui perbincangan. Mengikut Berne, posisi yang sihat adalah keadaan di mana adik dan ibu, kedua-duanya berasa selesa. Adik dan ibu perlu berbincang.

Nyatakan sebab-sebab kukuh mengapa adik berminat untuk ke IPTA. Beritahu ibu mengenai solat istikharah yang adik lakukan. Gunakan strategi untuk meyakinkan ibu bahawa kursus yang akan adik ambil di IPTA itu boleh diikuti.

Dr amat setuju dengan adik bahawa matrikulasi bukan tidak bagus. Cuma, dalam konteks permasalahan dilema ini adik sudah membuat pilihan untuk ke IPTA. Hakikatnya, matrikulasi juga berjaya melahirkan ramai bijak pandai melalui iklim pembelajaran yang baik, tenaga pengajar berwibawa dan kemudahan mantap. Semoga yang terbaik untuk adik dan selamat berjaya dalam kehidupan.

Adik, tunang berpeluk di belakang ibu bapa

SAYA kakak kepada adik lelaki yang sudah bertunang. Salah seorang kakak saya juga sudah mendirikan rumah tangga dan seorang lagi berada di luar kawasan.

Masalah ini mengenai adik lelaki yang sudah bertunang itu kerana boleh dikatakan setiap hari tunangnya akan berkunjung ke rumah kami tidak mengira masa.

Apa yang membuatkan saya keliru adalah sikap bapa yang boleh dikatakan alim kerana dia seorang ahli surau. Dia seperti

merelakan apa yang berlaku di depan mata tanpa membuat teguran. Contohnya, apabila adik lelaki saya dan tunangnya berbaring bersebelahan dengan sedikit jarak, kadang kala mereka bergurau dengan berpelukan di belakang orang tua saya, cara tunang adik berpakaian, datang atau pulang lewat hingga larut malam serta sering kali menginap di bilik kakak sedangkan kakak saya sudah berkahwin (walaupun suaminya akan menginap sekali sekala), ia seperti tidak menghormati hak

orang lain. Lagak mereka mengalahkan kakak saya yang sudah berkahwin. Bukankah bertunang itu belum lagi ada ikatan sah? Kadang kala kami adik beradik berasa kurang selesa dengan kehadiran tunangnya ke rumah.

Kami segan untuk berbaring atau melakukan apa jua. Dia sebagai perempuan sepatutnya mempunyai perasaan segan dan harga diri.

Malah ada juga saudara-mara yang memberi teguran

tapi ibu dan bapa saya seperti tidak boleh menerima teguran kerana menyangka mereka menyibuk.

Apakah yang perlu saya lakukan untuk membuka mata kedua-dua orang tua agar mereka menegur kelakuan adik serta tunangnya yang dianggap kurang manis serta berlebihan?

ADIK PEKA
Kuala Lumpur

Jawapan
DR ucapkan terima kasih atas keprihatinan adik

atas apa yang berlaku kepada ahli keluarga. Memang benar, bukan mudah untuk adik berbincang dengan ahli keluarga dalam menghuraikan masalah ini. Apatah lagi dalam budaya Timur, luahan perasaan sesuatu yang kurang berliku.

Memandangkan ramal ahli keluarga yang tidak selesa dengan tingkah laku adik dan tunangnya, perbincangan secara terbuka adalah baik. Perbincangan secara

terbuka ini sekurang-kurangnya dapat melegakan perasaan adik.

Ia adalah sebahagian daripada proses terapeutic dan bersifat katarsis.

Ini juga secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan adik beradik kerana menunjukkan adik mengambil berat apa yang berlaku. Jika ibu bapa tidak dapat menerima teguran saudara-mara, cari saudara-mara yang ayah dan ibu sangat menghormati dan dengar segala nasihat atau pandangannya.